

BERADAB SEMASA DI MEJA MAKAN

Tan Chun Siang
Chye Mei Yun
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Siang, T. C., Yun, C. M., & Jasmi, K. A.(2012). Beradab Semasa di Meja Makan in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 191-211. ISBN 978-967-0194-24-0 .

Abstrak

Dalam pandangan masyarakat Barat dan Islam telah mempunyai banyak adab-adab yang perlu diikuti dan diamalkan semasa berada di meja makan. Antara adab-adab ini adalah adab sebelum makan, semasa makan dan selepas makan. Adab-adab ini dapat membantu masyarakat masa kini dengan memupuk sikap-sikap dan tingkah laku yang baik. Ketiga-tiga adab ini telah mempunyai beberapa perbezaan antara masyarakat Barat dan Islam. Persamaan antara kedua-dua masyarakat ini juga wujud. Walaupun perbezaan berlaku, kedua-dua masyarakat ini telah mempunyai perfahaman antara satu sama lain. Dalam perbincangan kami di sini akan menyentuh tentang perbezaan dan persamaan antara adab makan masyarakat Barat dengan masyarakat Islam. Di sini juga akan menerangkan peradaban yang telah diamalkan oleh masyarakat Islam semasa berada di meja makan.

10

BERADAB SEMASA DI MEJA MAKAN

Tan Chun Siang
Chye Mei Yun
Kamarul Azmi Jasmi

Abstrak

Dalam pandangan masyarakat Barat dan Islam telah mempunyai banyak adab-adab yang perlu diikuti dan diamalkan semasa berada di meja makan. Antara adab-adab ini adalah adab sebelum makan, semasa makan dan selepas makan. Adab-adab ini dapat membantu masyarakat masa kini dengan memupuk sikap-sikap dan tingkah laku yang baik. Ketiga-tiga adab ini telah mempunyai beberapa perbezaan antara masyarakat Barat dan Islam. Persamaan antara kedua-dua masyarakat ini juga wujud. Walaupun perbezaan berlaku, kedua-dua masyarakat ini telah mempunyai perfahaman antara satu sama lain. Dalam perbincangan kami di sini akan menyentuh tentang perbezaan dan persamaan antara adab makan masyarakat Barat dengan masyarakat Islam. Di sini juga akan menerangkan peradaban yang telah diamalkan oleh masyarakat Islam semasa berada di meja makan.

PENGENALAN

Perkataan adab membawa maksud tingkah laku serta tutur kata yang halus atau sopan, berbudi bahasa, dan budi pekerti yang halus serta kesopanan. Adab juga memberi maksud cara seseorang berkelakuan dalam sesuatu situasi yang tertentu (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2000: 6). Perkataan adab ini telah membawa sama makna dengan perkataan *culture* dalam bahasa English yang dijelaskan sebagai *the arts*

and other manifestations of human intellectual achievement regarded collectively di samping the ideas, customs and social behavior of a particular people or society (Oxford American Dictionaries And Thesaurus, 2003: 341). Oleh itu, adab semasa di meja bolehlah dijelaskan sebagai tataterbit yang sopan dan tingkah laku yang halus semasa makan yang bukan sahaja makan dengan sekumpulan, bahkan juga semasa persendirian.

Manusia sebagai makhluk hidup yang tidak dapat dipisahkan dengan makan dan minum dalam waktu-waktu hidup sehari-hari mereka. Mereka tidak mungkin hidup tanpa makan. Dengan makan manusia dapat menjaga kesinambungan hidupnya, memelihara kesihatan, dan menjaga kekuatannya. Ini adalah wajar dan sesuai sekali dengan perutusan Nabi Muhammad s.a.w. yang membawa panduan hidup: Al-Qur'an dan As-Sunnah untuk manusia, di mana dengan sunnah-Rasulullah s.a.w. mengajarkan bukan sahaja setakat memilih makanan; tetapi juga cara dan adab makan serta minum (Ummu 'Abdillah, 2005: 2).

KEPENTINGAN ADAB SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS MAKAN

Menurut sebuah kajian yang dijalankan oleh Harvard University's Graduate School of Education pada tahun 1996, pengkajian ini telah membuat satu kesimpulan yang di mana menyatakan bahawa makan malam sesama keluarga adalah cara yang paling efektif bagi perkembangan kanak-kanak berbanding dengan masa yang berada di sekolah atau bermain (L. Berkenkamp And S. C. Atkins, 2001: 18).

Dalam sebuah buku yang bernama History of the Arabs: Rujukan induk dan paling otoritatif tentang Sejarah juga telah menyatakan hubungan antara tataterbit semasa makan dengan semangat berbudaya:

Baginya, orang yang berbudaya adalah orang yang memiliki perilaku sopan (adab), menjaga wibawa dan berperilaku elegan (zarf),

tidak senang bergurau, bersahabat dengan orang yang tepat, memiliki integritas yang tinggi, menepati janji, memelihara kerahsiaan, tidak memakai pakaian kotor dan bertambal, dan ketika makan ia menuapkan makanan tanpa berlebihan, sedikit bicara dan tertawa, mengunyah makanan dengan pelan, tidak menjilati jarinya, menghindari bawang, dan tidak menggunakan kayu pembersih gigi di kamar kecil, tempat mandi, ruang pertemuan, dan di jalanan.

(Hitti, 2005: 420)

Hal ini dapat menjelaskan pandangan Islam terhadap adab semasa makan mempunyai hubungan yang penting dalam menyemai moral-moral asas pada seseorang itu.

Di samping itu, dalam sebuah buku yang bertajuk Ensiklopedia Adab Islam Menurut al-Quran Dan Al-Sunnah juga menerangkan kepentingan dalam membentuk adab-adab makan.

Melaksanakan adab tersebut dapat menghasilkan keberkahan, membentuk watak, mengetahui bagaimana cara merendahkan diri, merealisasikan perasaan syukur kepada Allah Ta’ala, menjauhkan diri dari syaitan, serta dapat membangkitkan rasa kasih sayang di antara sesama manusia.

(‘Abdul ‘Azis Fathi as-Sayyid Nada, 2003: 109)

Daripada ketiga-tiga penerangan di atas dapatlah dilihat bahawa adab-adab makan bukan sahaja untuk mengajar akhlak semasa di meja makan, bahkan juga menyemai sikap moral yang kian dipulau oleh remaja seperti sikap toleransi, kesederhanaan, hemah tinggi dan juga kepercayaan kepada Tuhan dari sejak kecil lagi. Sikap-sikap yang sopan dan kepercayaan adalah susah diamalkan jika seseorang itu tidak menyemainya dari sejak kecil lagi.

Menurut juga daripada Ummu ‘Abdillah iaitu semua adab-adab yang diamalkan ini telah menggambarkan eratnya cinta-kasih seorang hamba kepada Tuhannya yang telah melimpahkan kurnia dan nikmat-Nya yang tidak dapat dihitung dan dihinggaikan.

SEBELUM MAKAN

Menurut pandangan masyarakat Barat dan Islam, terdapat perkara-perkara yang wajib dijaga sebelum kita memulakan makan. Kedua-dua masyarakat ini mempunyai beberapa adab yang sama iaitu hendaklah membasuh tangan dan berdoa sebelum makan. Mereka juga mengucapkan terima kasih terhadap orang yang memasak. Walaubagaimanapun, pelbezaan juga terdapat di antara kedua-dua masyarakat ini iaitu masyarakat Barat hendaklah menanggalkan pakaian yang dipakai di luar. Cara penyusunan pinggan dan mangkuk juga telah menjadi perbezaan antara masyarakat Barat dan Islam. Bagi masyarakat Islam, mereka hendaklah makan makanan yang halal dan hendaklah mematuhi segala suruhan daripada Allah.

Halal dan Haram

Konsep halal dan haram amat penting dalam kehidupan seseorang yang mengakui dirinya Islam. Halal merupakan perkataan Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan, manakala haram merupakan perkataan Arab yang membawa maksud tidak dibenarkan atau dilarang.(Ahmad H. Sakr, 1991: 18)

Kebanyakan makanan dikira halal melainkan yang dinyatakan dalam al-Quran dan Hadis. Contohnya, daging itu boleh dikira halal, jika binatang itu telah disembelih dengan nama Allah. Daging halal dikenali sebagai zabihah. Allah berfirman dalam al-Quran dari surah al-Maidah tentang makanan yang halal (Ahmad H. Sakr, 1991: 19; Ahmad H. Sakr, 1993: 22).

يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحِرِّمُوا طَيْبَاتٍ مَا أَحَلَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا
 تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْنَدِينَ ﴿٨٧﴾ وَلَا
 يَأْنِسُ إِلَيْهِ مَمَّا رَزَقَكُمْ
 اللَّهُ حَلَّا طِيبًا وَأَنْقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu haramkan apa-apa yang baik yang telah Allah halalkan bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas. Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya.

(Surah al-Maidah, 5:87-88)

Makanan yang haram ialah seperti daging babi dan makanan terbitan daripadanya, arak, daging binatang yang mati (bangkai), daging binatang sembelihan yang menyebut selain dari nama Allah; darah dan dadah yang memabukkan dan beberapa lagi. Jika seseorang Islam sengaja menggunakan barang haram, maka ia adalah berdosa di sisi Allah. Dalam keadaan atau kekecualian tertentu sahaja seseorang Islam itu mungkin dibolehkan memakan makanan yang haram. Keadaan ini adalah kerana ia tidak sengaja atau nyawanya dalam bahaya. Berkaitan ini Allah berfirman dalam al-Quran (Ahmad H. Sakr, 1991: 20).

إِنَّمَا حَرَمَ عَلَيْهِ كُلُّ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ
 لِغَيْرِ اللَّهِ مِنْ أَضْطُرَّرَ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادِلًا إِنَّمَا تَنْهَى اللَّهُ عَنِ الْمَغْفِرَةِ رَحِيمٌ

Maksud: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah al-Baqarah, 2:173)

Oleh itu, daripada kedua-dua hadis ini kita dapat tahu bahawa untuk menjadi seseorang yang beriman, kita haruslah mengikut adab masing-masing supaya tidak membuat sebarang perlakuan yang diharamkan. Selain daripada itu, kita juga dapat tahu bahawa makanan seperti daging babi dan minum arak adalah perkara yang tidak boleh dilakukan oleh muslimin kerana ini adalah diharamkan oleh Tuhan.

Persediaan untuk Makan

Melalui pandangan masyarakat Barat, sebelum pergi ke meja makan semua orang hendaklah membasuh tangan mereka terlebih dahulu dan pakaian-pakaian yang dipakai di luar juga hendaklah ditanggalkan. Hal ini adalah kerana tangan yang kotor dan pakaian luar mengandungi bakteria-bakteria dan akan menjatuhkan tahap kesihatan kita.

It is the most important health practice your kids can learn - you've seen where those hands have been, and it's not likely anyone will want to share whatever they've been touching. Remind your children that outdoor clothing is worn outdoors; they should remove their coats, hats and other gear-including video games, walkman, and baseball gloves-before coming to the table to eat.

(L. Berkenkamp dan S. C. Atkins, 2001: 19)

Selain itu, kebanyakan keluarga barat akan mengucapkan terima kasih terhadap orang yang memasak dan berdoa sebelum memulai makan. Kerana perlakuan ini telah menunjukkan kehormatan yang tinggi terhadap tuan rumah. Lauri Berkenkamp dan Steven C. Atkins menyatakan:

Many families offer some kind of blessing or grace before being seated, and saying thank you to the cook for dinner is very nice gesture that makes the cook feel great.

(L. Berkenkamp dan S. C. Atkins, 2001: 19)

Bagi masyarakat Islam, membasuh tangan juga merupakan salah satu perkara yang wajib sebelum memulai makan. Menurut Ummu 'Abdillah dalam bukunya Adab Makan Minum Cara Nabi (2005: 6), "Salmaan Al-Faarisiy r.a. pernah berkata: ``Saya telah membaca dalam kitab Tauraah bahawa keberkatan makanan itu adalah diperoleh dengan sebab membasuh sebelumnya.'' Maka saya menyebutkan yang demikian kepada Nabi s.a.w., maka beliau bersabda (Ahmad, 1994: 23572);

أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَنَمْ وَهُوَ جَنْبٌ تَوَضَّعُ وَضُوْعَهُ
لِلصَّلَاةِ فَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَأْكُلَ أَوْ يَشْرُبَ غَسَلَ كَفَيهِ ثُمَّ يَأْكُلُ أَوْ يَشْرُبُ إِنْ شَاءَ

Maksud: 'Aisyah berkata: "Rasulullah s.a.w. apabila hendak tidur sedang Baginda dalam keadaaan junub, maka Beliau berwuduk seperti wuduk untuk melaksanakan solat dan apabila Baginda hendak makan atau minum, Baginda mencuci kedua telapak tangannya kemudian makan atau minum jika Beliau menghendaknya."

(Ahmad)

Selain itu menyebut nama Allah sebelum memulai makan dan membaca Bismillaah juga merupakan satu perkara yang wajib dibuat sebelum memulai makan (Ummu 'Abdillah, 2005: 9). (al-Bukhari, 1994: 4957; Muslim, 2001: 3767);

عَنْ عُمَرِ بْنِ أَبِي سَلَمَةَ قَالَ كُنْتُ فِي حَجَرِ رَسُولِ اللَّهِ وَكَانَتْ بِي تَطْبِيشُ
فِي الصَّحَّافَةِ فَقَالَ لِي يَا غُلَامُ سَمِّ اللَّهَ وَكُلْ بِيمِينِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ

Maksud: Umar bin Abu Salamah ia berkata; Dulu aku berada di pangkuhan Rasulullah s.a.w., lantas tanganku memegang piring, maka beliau

bersabda kepadaku: "Wahai anak, bacalah Bismillah dan makanlah dengan tangan kananmu, serta makanlah mana yang dekat denganmu."

(Al-Bukhari dan Muslim)

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ إِذَا دَخَلَ الرَّجُلُ بَيْتَهُ فَذَكِرَ اللَّهَ عِنْدَ دُخُولِهِ وَعِنْدَ طَعَامِهِ قَالَ الشَّيْطَانُ لَا مَبِيتٌ لَكُمْ وَلَا عَشَاءَ وَإِذَا دَخَلَ فَلَمْ يَذْكُرْ اللَّهَ عِنْدَ دُخُولِهِ قَالَ الشَّيْطَانُ أَدْرِكُتُمُ الْمَبِيتَ وَإِذَا لَمْ يَذْكُرْ اللَّهَ عِنْدَ طَعَامِهِ قَالَ أَدْرِكُتُمُ الْمَبِيتَ وَالْعَشَاءَ

Maksud: Jabir bin 'Abdullah; Sesungguhnya dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Apabila seseorang memasuki rumahnya dan berzikir kepada Allah ketika ia masuk dan ketika akan makan, maka syaitan berkata: "Tidak ada kesempatan menginap dan makan malam bagi kalian". Apabila ia masuk rumahnya namun ia tidak berdzikir kepada Allah, maka syaitan berkata; "Kalian mendapatkan tempat menginap" Apabila ketika makan tidak berdoa maka syaitan berkata: "Kalian mendapatkan tempat menginap dan makan malam"

(Muslim)

Daripada hadis-hadis yang dibicarakan di atas, kita dapat tahu bahawa sebelum makan muslimin hendaklah menyebut nama Allah dan membaca Bismillaah supaya tidak didekati oleh syaitan. Selain itu, masyarakat Islam dan masyarakat Barat telah diajar supaya mereka membasuh tangan sebelum makan dan juga hendaklah mengucapkan terima kasih terhadap orang yang memasak.

Cara Penyusunan Pinggan Mangkuk


Cara penyusunan pinggan dan mangkuk adalah amat penting terhadap masyarakat Barat kerana mereka menganggap ini ialah salah

satu adab semasa makan. Cara-cara penyusunan pinggan mangkuk yang standard ialah :

... position the napkin on the left with the fork on top, and the knife and spoon on the right with the knife inside the spoon. Drinks should be placed to the right above the knife and spoon; bread plates to the left above the napkin

(L. Berkenkamp dan S. C. Atkins, 2001: 20)

Gambar rajah di bawah menunjukkan penyusunan pinggan mangkuk yang standard.



Manakala bagi masyarakat Islam, penyusunan pinggan mangkuk tidak begitu dipentingkan. Tetapi meminum minuman dalam bekas emas dan perak adalah dilarang (Ummu 'Abdillah, 2005:83).

Sesungguhnya telah wujud larangan yang terang dan jelas tentang minum dalam bekas emas dan perak, dimana Rasulullah s.a.w. bersabda menjelaskan (al-Bukhari: 5201, Muslim: 3850):

اسْتَسْقَى حُذِيفَةُ فَسَقَاهُ مَجُوسِيٌّ فِي إِنَاءٍ مِّنْ فَضَّةٍ فَقَالَ إِنِّي
سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ لَا تَلْبِسُوا الْحَرِيرَ وَلَا الدِّبَابَاجَ وَلَا تَشْرُبُوا

فِي آنِيَةِ الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَلَا تَأْكُلُوا فِي صِحَافِهَا فَإِنَّهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا

Maksud: *Hudzaifah pernah meminta air minum, lalu seorang Majusi memberinya air minum dengan bejana yang terbuat dari perak, maka Hudzaifah berkata; "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Jangan kalian memakai pakaian yang terbuat dari sutera kembang atau sutera tebal, dan jangan pula minum serta makan dengan menggunakan bejana atau piring yang terbuat dari emas dan perak, karena sesungguhnya barang-barang itu untuk mereka (orang-orang kafir) di dunia."*

(*Al-Bukhari* dan *Muslim*)

Daripada Ummu 'Abdillah, muslimin yang menggunakan pinggan mangkuk beremas dan berperak tidak akan mengalami apa-apa kesan semasa hidup di dunia, tetapi mereka akan menghadapi api neraka semasa berada di akhirat. Tambahan pula, mengguna pinggan mangkuk tersebut adalah merupakan kesombongan dan sifat kesombongan ini adalah tidak layak wujud pada manusia.

Oleh yang demikian, para muslimin adalah diharamkan untuk menggunakan pinggan mangkuk yang beremas dan berperak seperti yang disuruh oleh Allah supaya tidak menimbulkan sifat kesombongan pada seseorang dan juga tidak mengalami penderitaan semasa di akhirat. Manakala untuk masyarakat Barat, mereka mempunyai adab yang berlainan daripada masyarakat Islam iaitu mereka mempunyai cara penyusunan pinggan mangkuk yang teristimewa. Mereka mempunyai cara penyusunan pinggan mangkuk yang tertentu supaya tidak menunjukkan ketidaksopanan.

KETIKA MAKAN

Masyarakat Barat dan masyarakat Islam telah mementingkan serta menyemai adab-adab masing-masing. Adab-adab semasa setengah makan termasuklah peralatan yang digunakan semasa makan, cara pemakanan, dan sikap semasa makan.

Peralatan yang Digunakan Semasa Makan

Menurut pandangan Barat, alat perkakas adalah alat yang penting dan hendaklah digunakan semasa makan berbanding dengan menggunakan tangan sendiri. Adab ini hendaklah diajar serta diamal sejak kecil lagi. Alat perkakas seperti pisau dan garpu adalah paling basis untuk digunakan oleh masyarakat Barat semasa makan dan cara yang paling basis bagi menggunakan kedua-dua alat perkakas ini adalah pisau di tangan kanan manakala garpu di tangan kiri. (L. Berkenkamp dan S. C. Atkins, 2001: 20)

Walaubagaimanapun, adab semasa makan menurut masyarakat Islam mempunyai perbezaan yang besar berbanding dengan adab yang diamalkan oleh masyarakat Barat. Masyarakat Islam mengamalkan adab seperti tidak menggunakan tangan kiri untuk makan dan minum tetapi menggunakan tangan kanan. Abdullah bin Umar telah menjelaskan ini dalam hadis (Muslim, 2001: 3764):

عَنْ جَدِّ أَبِنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَأْكُلْ بِيَمِينِهِ
وَإِذَا شَرَبَ فَلْيَشْرَبْ بِيَمِينِهِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَأْكُلُ بِشَمَائِلِهِ وَيَشْرَبُ بِشَمَائِلِهِ

Maksud: *Datuk Ibn 'Umar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jika seseorang antara kalian makan, maka hendaknya dia makan dengan tangan kanannya. Jika minum maka hendaknya juga minum dengan tangan kanannya, karena syaitan makan dengan tangan kirinya dan minum dengan tangan kirinya pula."*

(Muslim)

Hadis ini menyatakan bahawa makan dengan tangan kiri adalah merupakan amalan syaitan dan makan dengan tangan kiri adalah merupakan suruhan daripada Nabi s.a.w. Amalan ini juga telah bersabda daripada Umar radhiyallahu 'anhu Rasulullah s.a.w.:

Imam Ibnu'l Jauzi telah menjelaskan bahawa kerja-kerja hendaklah dibuat dengan menggunakan kedua-dua tangan kiri dan kanan.

"Karana tangan kiri digunakan untuk cebok dan memegang hal-hal yang najis dan tangan kanan untuk makan maka tidak sepatutnya salah satu tangan tersebut digunakan untuk melakukan pekerjaan tangan yang lain."

(Kasyful Musykil, hal 2/594)

Hadis-hadis tentang hal ini sangatlah terkenal dan adalah diketahui oleh orang-orang awam. Walaubagaimanapun, masih terdapat sebahagian kecil daripada kaum muslimin yang masih tetap makan dan minum dengan menggunakan tangan kiri (Muhammad al-Raie, 2010: 21). Salamah bin Akwa r.a. telah bercerita bahawa ada seorang yang makan dengan menggunakan tangan kiri di dekat Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam. Melihat hal tersebut Nabi bersabda, "Makanlah dengan tangan kananmu." "Aku tidak boleh makan dengan tangan kanan". Nabi lantas bersabda, "Engkau memang tidak biasa menggunakan tangan kananmu." Tidak ada yang menghalangi orang tersebut untuk menuruti perintah Nabi kecuali kesombongan. Oleh kerana itu orang tersebut tidak bisa lagi mengangkat tangan kanannya ke mulutnya." (Muslim, 2001:2021)

Meskipun demikian jika memang terdapat alasan yang menyebabkan seseorang itu tidak bisa menikmati makanan dengan tangan kanannya kerana terdapat suatu penyakit atau sebab lain, maka diperbolehkan atau dibenarkan seseorang itu makan dengan menggunakan tangan kiri. Dalilnya firman Allah:

لَا يُكْلِفُ اللَّهُ تَفْسِيرًا إِلَّا وَسَعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ

رَبَّنَا لَا نَوَّا خِذْنَا إِنَّ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا بَنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا

إِنَّ رَبَّكَمَا حَمَلْتُهُ عَلَى الَّذِينَ كُنْتُ مِنْ قَبْلِنَا لَوْلَا دُعِمْنَا مَا لَطَاقَةَ
 لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا
 عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ



Maksud: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebijikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdo'a): "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir.

(Surah al-Baqarah, 2:286)

Seperti yang dibincangkan di atas, bagi para muslimin, tangan kiri adalah dilarang untuk makan dan minum supaya mereka menjauhi syaitan tetapi kerja-kerja harian adalah sepertutnya dilakukan dengan menggunakan kedua-dua tangan. Jikalau mempunyai perkara yang dibenarkan seperti kesakitan tangan kanan yang sememangnya tidak dapat membuat apa-apa kerja, maka muslimin dapatlah menggunakan tangan kiri untuk makan.

Cara Pemakanan

Dalam cara pemakanan, masyarakat Barat menggunakan garpu untuk menetapkan makanan manakala pisau untuk memotongkannya. Selepas itu, garpu hendaklah ditukar ke tangan kanan untuk makan potongan

makanan tersebut. Dalam buku yang ditulis oleh Lauri Berkenkamp dan Steven C. Atkins telah menerangkan secara tersebut:

... bringing the knife blade across the back of the fork tines to cut,
then switching the fork back to the right hand to take a bite.
(L. Berkenkamp dan S. C. Atkins, 2001: 26)

Secara sebaliknya, masyarakat Islam mempunyai adat sendiri iaitu makan dengan menggunakan tiga jari. Apabila Nabi s.a.w. makan, baginda akan menggunakan tiga jarinya. Kaab bin Malik telah berkata (Abu Dawud, 1994: 3349; Ahmad, 1994: 2540):

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَمْسِخْنَ
يَدَهُ بِالْمَنْدِيلِ حَتَّىٰ يَلْعَقَهَا أَوْ يُلْعَقَهَا

Maksud: Ibnu Abbas berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jika salah seorang kamu makan, maka janganlah dia mengusap tangannya menggunakan saku tangan hingga ia menjilatnya atau menjilatkannya!"

(Abu Dawud dan Ahmad)

Nabi s.a.w. mempunyai cara-caranya tersendiri ketika makan dan minum. Nabi s.a.w. apabila makan, baginda pasti akan menggunakan tiga jarinya. Ibnu Utsaimin telah menyatakan bahawa:

"Dianjurkan untuk makan dengan tiga jari, yaitu jari tengah, jari telunjuk, dan jempol, karena hal tersebut menunjukkan tidak rakus dan ketawadhu'an. Akan tetapi hal ini berlaku untuk makanan yang bisa dimakan dengan menggunakan tiga jari. Adapun makanan yang tidak bisa dimakan dengan menggunakan tiga jari, maka diperbolehkan untuk menggunakan lebih dari tiga jari, misalnya nasi. Namun, makanan yang bisa dimakan dengan menggunakan tiga jari maka hendaknya kita

hanya menggunakan tiga jari saja, karena hal itu merupakan sunnah Nabi shallallahu ‘alaibi wa sallam.”

(Syarah Riyadhus shalihin Juz VII hal 243)

Ka‘ab B. Maalik r.a. telah memberita bahawa jika lalu menjemput dengan kurang daripada tiga putung jari adalah melahirkan kesombongan manakala menjemput dengan lebih daripada tiga putung jari pula menandakan buruk makan. Kerana itu janganlah ditambahkan kepada tiga menjadi empat putung, atau menjadikan lima, melainkan bila ada halangan seperti kerana mengambil kuah atau selainnya (seperti makan nasi, pulut dan sagu; tidak seperti roti yang berkeping atau seperti tamar yang berbiji kasar) yang tidak mungkin menggunakan tiga putung jari; juga sebab halangan-halangan yang lain. (Ummu ‘Abdillah, 2005: 35)

Sudu itu juga tidak dapat dijadikan sebagai pengganti jari dan ia mempunyai fungsi tertentu, di mana ada kalanya tidak berhasil dengan semata-mata mengambil dengan tangan. Janganlah juga menggunakan sudu besar pada tempat sudu kecil bagi tujuan memperbanyakkan makan atau makan secara gelojoh. Sudu juga tidak boleh digunakan dengan tangan kiri dengan alas an agar tidak kotor sudu yang sedang digunakan dalam sesuatu hidangan. (Ummu ‘Abdillah, 2005: 36)

Oleh itu, muslimin adalah mengamalkan amalan supaya menggunakan tangan kanan untuk makan dan tidak menggunakan lebih jari semasa makan kecuali mempunyai halangan-halangan yang dibenarkan. Makan dengan tiga jari adalah sikap tengah antara makan dengan satu jari yang merupakan cara makannnya orang-orang sompong dan makan dengan lima jari yang merupakan sikap makannya orang yang rakus.

Tidak Makan Banyak

Larangan ini berlaku pada saat makan bersama tidak pada saat sendirian. Semasa makan, janganlah seseorang itu berlebihan dalam

menghidangkan berbagai jenis makanan. Seseorang boleh membuat lebih dari satu jenis makanan, hanya saja adalah tidak berlebihan dalam menyajikan berbagai jenis makanan. Ini disebut *israf* (berlebih-lebihan). ('Abdul 'Azis Fathi al-Sayyid Nada, 2003: 115).

Nabi s.a.w. tidak pernah makan banyak. Perbuatan seperti mengambil makanan lebih daripada keperluan atau kehendak sendiri adalah tidak disukai oleh Nabi S.A.W. ('Abdul 'Azis Fathi as-Sayyid Nada, 2003: 115). Oleh itu, Allah telah berfirman:

وَكُلُوا وَاشْرِبُوا وَلَا سُرْفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ٢١

Maksud: *Makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.*

(Surah *al-A'raf*, 7:31)

Terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar, daripada Nabi s.a.w. bersabda (Muslim, 2001: 3839):

عَنْ جَابِرِ وَابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْمُؤْمِنُ يَأْكُلُ فِي مَعِيٍّ وَاحِدًا وَالْكَافِرُ يَأْكُلُ فِي سَبْعَةِ أَمْعَاءٍ

Maksud: *Jabir dan Ibnu 'Umar; Bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Orang mukmin makan dengan satu usus (perut) sedangkan orang kafir makan dengan tujuh usus (perut)."*

(Muslim)

Maksud Hadith ini tidaklah seperti maksud lahirnya; cuma dia merupakan suatu perbandingan tentang kezuhuhan orang-orang Mu'mim, iaitu yang tidak dipengaruhi kemewahan hidup, berbanding

dengan kehaluhan, iaitu sifat tamak, orang-orang Kaafir; sebab sedikitnya dia memerlukan dunia; dia Cuma makan dengan sebuah perut sahaja; sedangkan orang Kaafir; sebab amat gelojohnya dan dia rakus untuk banyak makan, maka dia makan dengan menggunakan tujuh buah perut. (Ummu 'Abdillah, 2005: 46)

Perbandingan ini dapat difahamkan bahawa orang Mu'min itu cuma makan dan minum sekadar yang perlu, iaitu menurut keperluan; sedang tujuan utamanya ialah untuk ber'ibadah kepada Allah Ta'ala dan juga bagi memperoleh tenaga untuk melaksanakan kepentingan peribadi; tanggungan dan isteri. (Ummu 'Abdillah, 2005: 47)

Orang muslim adalah tidak boleh makan secara banyak atau berlebih-lebihan. Hal ini adalah kerana kelakuan makan banyak adalah tidak disukai oleh Allah. Oleh itu, kita haruslah makan mengikut keperluan kita sendiri dan tidak bersifat tamak.

Bercakap Semasa Makan

Semasa makan bersama-sama, kita akan sering tergesa-gesa untuk bercakap tentang apa yang telah berlaku pada hari yang tersebut. Ini adalah kerana masa makan malam ini adalah merupakan masa yang unik untuk sekeluarga supaya dapat duduk bersama-sama di depan meja makan (Abu Urwah, 2003: 12). Walaubagaimanapun, bercakap semasa makan juga akan menjadi adab yang tidak bagus disebabkan oleh beberapa alasan.

Sebagai contoh, semasa makan bersama-sama orang ramai sambil bercakap, ini terkadang akan menyebabkan sebahagian makanan itu terhambur ke muka pemakan-pemakan yang lain. Ini adalah merupakan perbuatan yang tidak sopan. Adab ini pernah disinggung oleh Ibnu 'Ammad al-Aqfahasi dan yang lainnya. Ini adalah kerana membuka bibir ketika makan akan memuncratkan sebahagian air liur atau akan mengakibatkan air liur berjatuh ke dalam makanan. Tentunya hal ini akan mengganggu orang lain yang sedang makan. Membuka bibir ketika makan juga akan

mengeluarkan suara-suara yang dapat mengganggu teman makan. Oleh kerana itu, sebaiknya kedua bibir dirapatkan agar tidak terjadi dua perkara yang tidak diinginkan tersebut ketika makan dan juga janganlah bercakap semasa makanan berada di mulut. ('Abdul 'Azis Fathi as-Sayyid Nada, 2003: 124)

Semasa makan, kita juga hendaklah mengunyah makanan dengan baik. Ini adalah merupakan satu adab yang harus tetap dipelihara. Ini adalah kerana menelan makanan yang tidak dikunyah dengan baik dapat menimbulkan efek dan dapat mengganggu kesihatan. Di samping itu, makan makanan yang tidak dikunyah dengan baik akan menyebabkan makanan tidak akan tercerna dengan baik dan dapat menyebabkannya berlebihan dalam makan. ('Abdul 'Azis Fathi as-Sayyid Nada, 2003: 122)

Pada pandangan Islam, para-para 'ulamaa' adalah digalakkan untuk bercakap mengenai hal-hal yang baik sambil makan. Dalam al-Adzkar, Imam Nawawi mengatakan bahawa "dianjurkan berbicara ketika makan." Imam Abu Hamid al-Ghazali dalam kitab al-Ihya mengatakan bahawa :

Termasuk etika makan ialah membicarakan hal-hal yang baik sambil makan, membicarakan kisah orang-orang yang shalih dalam makanan.

(Al-Adzkar)

Bercakap sambil makan adalah merupakan kelakuan yang tidak elok kerana ini akan menyebabkan sebahagian daripada makanan yang berada di mulut terhambur keluar. Ini akan menyebabkan ketidakselesaan orang lain. Walaubagaimanapun, hal-hal yang baik adalah digalakkan untuk bincang semasa makan.

SELEPAS MAKAN

Adab-adab selepas makan seperti menunggu orang yang masih makan dan membantu tuan rumah untuk mengemasukan meja

makan telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat sehari-hari. Ini telah banyak menunjukkan rasa kehormatan masyarakat antara satu sama lain. Selain daripada itu, masyarakat Islam juga telah mengamalkan adab seperti menjilat pinggan dan jari setelah siap makan.

Digalakkan Menjilat Pinggan Dan Jari

Mengikut pandangan barat, sesiapa yang sudah siap makan hendaklah menunggu orang yang masih makan. Hal ini adalah kerana ia merupakan salah satu kesopanan terhadap orang lain seperti yang dinyatakan oleh Lauri Berkenkamp dan Steven C. Atkins: *It is polite to wait until everyone is finished eating before leaving the table.* Tambahan pula, sesudah semua orang siap makan, semua orang hendaklah membantu tuan rumah untuk mengemasaskan meja makan. Ini merupakan satu tanda penghargaan terhadap tuan rumah atas jamuan makan yang diberi.

Mengikut pandangan Islam, kesemua orang digalakkan menjilat pinggan dan jari setelah makan. Perkara ini dapat dilihat dari pada berikut (Ummu 'Abdillah, 2005: 56; (Abu Dawud, 1994: 3349; Ahmad, 1994: 2540):

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَمْسِحَ يَدَهُ بِالْمَنْدِيلِ حَتَّى يَلْعَقَهَا أَوْ يُلْعَقَهَا

Maksud: Ibnu Abbas berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jika salah seorang kamu makan, maka janganlah dia mengusap tangannya menggunakan saku tangan hingga ia menjilatnya atau menjilatkannya!""

(Abu Dawud dan Ahmad)

Berdasarkan hadis yang dibicara di atas, para muslimin adalah digalakkan untuk menjilat tangannya semasa sesudah makan supaya

tidak membajir makanan. Juga, jari-jari hendaklah disapu dengan sapu tangan selepas menjilatnya dan sisa-sisa makanan yang terjatuh hendaklah dikutip. Ini akan mununjukan sifat-sifat yang beriman pada seseorang itu.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, walaupun kita hidup di zaman yang serba moden, kita haruslah tidak melupakan adab makan sebaliknya mengamalkannya seperti di zaman dulu. Adab-adab ini hendaklah diamalkan sejak kecil lagi untuk lebih mendalami dan senang disemai oleh golongan masyarakat masa kini. Ini juga akan melahirkan golongan masyarakat yang lebih berbudaya dan sayang akan budaya masing-masing.

RUJUKAN

- ‘Abdul ‘Azis bin Fathi as-Sayyid Nada. 2003. *Ensiklopedi Adab Islam Menurut Al-Quran dan As-Sunnah*. Indonesia: Daar Ibnu Jauzi Cet.
- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman b. al-Ash‘ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abi Daud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Urwah. 2003. *Asas-asas Kefahaman Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad b. Hambal, al-Imam Abu ‘Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma’arif.
- Ahmad H. Sakr, Ph.D. 1991. *Ramuan Makanan Islam*. Kulua Lumpur: Percetakan Rina Sdn. Bhd.
- Ahmad H. Sakr, Ph.D. 1993. *A Muslim Guide to Food Ingredients*. Lombard, Illinois: Foundation for Islamic Knowledge.
- Al-Bukhari, al-Imam. 1994. *Sahih Al-Bukhari*. (Tahqiq: Shaikh Abd al-Aziz ‘Abdullah). Jil. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah b. Bahram. t.t. *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i , al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'aib ibn 'Ali ibn Bahr ibn Sinan ibn Dinar. 1930. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiah al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib Abu 'Abd al-Rahman. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*. Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, al-Imam. 1994. *Sunan al-Tarmidhi*. Jilid 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Erin McKean. 2003. *Oxford American Dictionary And Thesaurus*. United States of America: Oxford University Press.
- Hajah Noresah Baharom. 2000. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Bahasa Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Penerbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Lauri Berkenkamp And Steven C. Atkins. 2001. *Teaching Your Children Good Manners*. United States: Nomad Press.
- Muhammad Azraie. 2010. *Cara Makan & Minum Nabi*. Batu Caves, Selangor: Crescent News.
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Philip K.Hitti. 2005. *History of the Arabs: Rujukan induk dan paling otoritatif tentang Sejarah*. Jakarta: Serambi Ilmu Semesta.
- Ummu 'Abdillah. 2005. *Adab Makan Minum Cara Nabi*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.